



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

ADNAN BIN HAMID

PENCERITA CERITA RAKYAT: "BATU GAJAH, SATU SUMPAHAN?"

OLEH:

NURUL FADHLIN BINTI MOHD NAZIM 2014792955

NURUL SHAFINAZ BINTI MOHD SAUFI 2014716155

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ADNAN BIN HAMID
PENCERITA CERITA RAKYAT: "BATU GAJAH, SATU SUMPAHAN?"

OLEH:

NURUL FADHLIN BINTI MOHD NAZIM	2014792955
NURUL SHAFINAZ BINTI MOHD SAUFI	2014716155

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah bersyukur kami ke hadrat Ilahi dan segala puji bagi Allah s.w.t di atas limpah kurniaNya atas segala nikmat yang diberikan untuk melaksanakan proses penghasilan buku transkrip temuramah mengenai cerita rakyat Negeri Kelantan yang bertajuk Batu Gajah, satu sumpahan? Penemuramah yang menjadi pilihan kami ialah Encik Adnan Bin Hamid atau lebih dikenali sebagai Pok Ney, merupakan bekas Tok Penggawa di Kampung Batu Gajah. Di sini ingin kami berikan sekalung penghargaan kepada mereka yang membantu terutama sekali pensyarah yang amat dihormati Puan Nor Kamariah Binti Chik yang tidak jemu memberi bimbingan dan menjadi panduan utama sebagai sumber rujukan. Kesungguhan beliau dalam mendidik kami telah menjadi penguat semangat dan tulang belakang para pelajar dalam menyiapkan transkrip ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat Pok Ney atas kebaikan hati beliau untuk berkongsi segala sejarah dan pengalaman yang menjadi sumber inspirasi kepada kami. Tidak lupa juga sokongan dari ahli keluarga yang turut menyumbang dalam proses melengkapkan transkrip ini. Akhir kata yang baik itu datang dari Allah, yang tidak itu datang dari kekhilafan kami. Ribuan terima kasih diucapkan dari kami berdua kerana kalian kami berjaya menghasilkan transkrip ini seperti yang dipinta. Diharapkan agar transkrip ini dapat memberi dan menjadi sumber rujukan tentang sejarah kepada generasi yang akan datang. In Shaa Allah.

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Adnan Bin Hamid.....	1
Bahagian 2: Asal Usul Kampung Batu Gajah.....	10
Bahagian 3: Punca Sebenar Wujudnya Kampung Batu Gajah.....	14
Bahagian 4: Pendapat Dan Usaha Yang Disarankan.....	29
Lampiran	
Log Wawancara.....	36
Diari Kajian.....	42
Senarai Soalan Temuramah.....	45
Surat Perjanjian.....	51
Gambar.....	52
Indeks.....	55

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah di antara Encik Adnan Bin Hamid iaitu bekas Tok Penggawa Kampung Batu Gajah bersama dua orang pelajar UiTM yang ditugaskan untuk menemuramah tokoh bagi memenuhi sukatan pelajaran IMR604 Oral Documentation. Tokoh ini dipilih berdasarkan pengalaman dan pengetahuan beliau mengenai sejarah-sejarah Kampung Batu Gajah. Encik Adnan Bin Hamid merupakan penduduk lama Kampung Batu Gajah dan telah lama berkhidmat sebagai Tok Penggawa di Kampung Batu Gajah. Segala pengalaman, dan pengetahuan beliau tentang sejarah Kampung Batu Gajah ini telah dikongsi dan diperbualkan dalam konteks semasa.

Kata kunci: *Kampung Batu Gajah, Pok Ney*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Adnan Bin Hamid
Umur	61 Tahun
Keturunan	Pattani
Tarikh Lahir	1 Disember 1995
Tempat Lahir	Kampung Batu Gajah
Cita-cita	Pegawai Polis
Anak Ke	4 daripada 7 adik-beradik
Bangsa dan Agama	Melayu / Islam
Isteri	Zainon Binti Zakaria
Anak	6 orang anak lelaki
Nombor Telefon	01125684768
Pendidikan	
Sekolah Rendah	Sekolah Kebangsaan Batu Gajah
Sekolah Menengah	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja
Universiti	ITM (Institut Teknologi Mara)

Pengalaman Kerja

- Kerja sebagai pegawai Felda di Pahang selama 15 tahun.
- Pernah bermiaga sendiri.
- Bekerja sebagai kontraktor.
- Dilantik menjadi Tok Penggawa (1995-2013)

Amanah yang diberi kepada Encik Adnan oleh Yang Berhormat mantan Menteri Besar arwah Tan Sri Mohd Yaakob dan Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) yang dapat dilakukan :

- Membangunkan bangunan awal di Sekolah Menengah Batu Gajah
- Pembinaan Lebuh Raya Timur Barat
- Masjid
- Menambah bangunan Sekolah Kebangsaan Batu Gajah
- Perelokkan masjid
- Perelokkan jalan-jalan kampung

PENGENALAN

PENGENALAN

Cerita rakyat adalah cerita yang berasal dari masyarakat dan berkembang dalam masyarakat pada masa lampau yang menjadi ciri khas setiap bangsa yang memiliki budaya yang beraneka ragam yang juga kekayaan budaya dan sejarah yang dimiliki masing-masing bangsa. Pada umumnya, cerita rakyat mengisahkan tentang suatu kejadian di suatu tempat atau asal usul suatu tempat. Merujuk kepada tugasannya yang diberi, kami harus memilih tajuk cerita rakyat di Negeri Kelantan. Oleh itu, tajuk yang kami pilih ialah Batu Gajah, satu sumpahan?

Kisah Batu Gajah satu sumpahan akhirnya terungkai setelah penyelidik melakukan temuramah kepada salah seorang tokoh yang berpengalaman lagi berpengetahuan tentang sejarah Kampung Batu Gajah ini. Tokoh yang ditemuramah ialah Encik Adnan Bin Hamid atau lebih dikenali sebagai Pok Ney juga merupakan bekas Tok Penggawa Kampung Batu Gajah. Menurut beliau, punca berlakunya sejarah di Kampung Batu Gajah ini adalah kerana perbalahan agama pada masa itu di antara masyarakat Thailand dengan Masyarakat Melayu Islam Thailand. Semuanya bermula apabila pendakwah-pendakwah Islam daripada serata dunia datang ke Asia Tenggara untuk mengembangkan agama Islam dan pergi ke Thailand. Tetapi Raja Siam tidak berpuas hati dengan perkembangan agama Islam di Thailand lalu dia menyerang kawasan melayu yang majoritinya Melayu Islam Thai di Patani. Maka, berlaku lah peperangan besar antara pejuang Islam Thailand dengan Kerajaan Thailand.

Akibat daripada perbalahan tersebut, tentera Islam lari ke Kelantan kerana kalah. Raja Siam dengan tenteranya turut ke Kelantan untuk mengejar tentera Islam dan membunuh mereka. Tetapi Raja Siam telah tersesat di Kampung Batu Gajah dengan tentera-tenteranya. Pada masa itu, mereka menggunakan gajah sebagai pengangkutan mereka. Kerana sesat, mereka berhenti untuk minum air di sebuah anak air. Kebetulan, anak air itu adalah tempat Awang Selamat ambil air sembahyang. Jadi, Awang Selamat marah lalu menyumpah gajah mereka menjadi batu. Dari situ lah terjadinya sejarah Batu Gajah di Kampung Batu Gajah.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Petunjuk:

PN: Pok Ney
NF: Nurul Fadhlina
NS: Nurul Shafinaz

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG ADNAN BIN HAMID

NF : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Pok Ney

PN : Waalaikumsalam.

NF : Saya Nurul Fadhlina Binti Mohd Nazim *and* [dan] ini kawan saya Nurul Shafinaz Binti Mohd Saufi. Kami ini pelajar tahun akhir Fakulti Pengurusan Maklumat, Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Kelantan. Tujuan kami hari ini ingin mewawancara encik [Pok Ney] bertajuk Batu Gajah, Satu Sumpahan? Seperti yang sedia maklum wawancara ini berlangsung pada 23 April, hari ini, hari Sabtu pada jam *dua setengah* [2.30] petang di kediaman Encik Adnan. Ini adalah syarat untuk kami melengkapkan semester akhir untuk subjek IMR604 sejarah lisan. Calon yang kami wawancarakan pada hari ini merupakan seorang bekas Tok Penggawa di Kampung Batu Gajah yang dikenali sebagai Pok Ney. Betul ye Pok Ney? Kami amat berbesar hati sebab Pok Ney sudi meluangkan masa untuk diwawancara pada hari ini. Dari kajian yang telah kami lakukan, Pok Ney merupakan seorang yang

sangat mengetahui tentang sejarah Batu Gajah dan berharap agar Pok Ney berkongsi dengan lebih banyak pasal sejarah Batu Gajah ni. Bagi memulakan wawancara kami ingin Pok Ney menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang pasal Pok Ney seperti salasilah diri, keluarga, pendidikan dan kerjaya Pok Ney. Pok Ney, boleh ke Pok Ney cerita sedikit tentang cerita diri encik?

- PN : Boleh. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Pertamanya Pok Ney nak ucap terima kasih kepada lin dengan shafinaz, *pah hok lain deh tigo ore* [selepas itu kepada tiga orang] lagi sahabat dia yang tidak dikenali namanya. Jadi nak ucap terima kasih *pasa* [kerana] sudi mari rumah Pok Ney melawat. Jadi Pok Ney ini nama nya Adnan Bin Hamid, nama penuh. Jadi kalau keluarga, anak-anak saudara, anak sepupu panggil Ayah Ney. Tapi kalau *abe-abe* [abang-abang] sepupu *dia* [abang-abang sepupu] panggil adik. Dia panggil ada tomakninah *the system* [cara sebutan] panggilan. Jadi boleh nak panggil Pok Ney, memang dibenarkan. Sebab itu lah panggilan *glamor* [popular] sepanjang kerja *sapa ko* [sehingga kini] *Yang Berhormat menteri* [Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] pun panggil Pok Ney. Pok Ney berasal dari keturunan Pattani, Thailand. Tapi datuk kepada Pok Ney nama Saud sudah dilahirkan di Malaysia. *Jadi umur sari duo ni loni enam puluh satu tahun* [umur sekarang 61 tahun]. Nama penuh arwah ayahanda Hamid Bin Saud. Ibu Sapiah Binti Husin. Kedua-duanya sudah meninggal dunia. Yatim piatu la *loni* [sekarang]. Ayah bekas penghulu di Kampung Batu Gajah. Mak hanyalah suri rumah sepenuh masa. Ibu dan bapa bekerja sebagai petani.

- NF : **Bilangan adik beradik Pok Ney berapa?**
- PN : Adik beradik semua sekali *tujuh* [7] orang. *Empat* [4] lelaki, *tiga* [3] perempuan.
Sudah mati seorang. Jadi tinggal *enam* [6] *loni* [sekarang].
- NF : **Pok Ney anak ke berapa?**
- PN : Anak ke *empat* [4].
- NF : **Boleh ke Pok Ney cerita sedikit pasal zaman kanak-kanak Pok Ney?**
Pengalaman manis? Pengalaman pahit?
- PN : Pok Ney memang dilahirkan di Kampung Batu Gajah pada *satu haribulan dua belas tahun sembilan belas lima puluh lima* [1/12/1955]. Dibesarkan di Batu Gajah dan disekolahkan di Sekolah Batu Gajah. Kenangan kalau yang pahit *reboh* [jatuh] basikal. Mula-mula ada jalan tar di Batu Gajah ini *gateh* [kayuh] basikal terbalik pecah. Ada parut ke sini? (Sambil tunjuk kat dahi) ada di dahi sikit. *Hok* [yang] manis itu banyak. Zaman kecil ini banyak kenangan manis. Zaman kanak-kanak dia banyak kenangan manis kita boleh *nimbo* [mengail] ikan, boleh main *belako* [semua].
- NF : **Berdasarkan pertemuan pertama kita hari itu Pok Ney telah berkahwin.**
Bila Pok Ney mendirikan rumah tangga?
- PN : *Tiga puluh lima* [35] tahun yang lepas lebih kurang. Tahun tak ingat, dah tua.
Boleh cari tarikh itu kalau nak. Kena tengok surat nikah. (ketawa)
- NF : **Nama penuh isteri Pok Ney?**
- PN : Zainun Binti Zakaria

- NF : **Asal?**
PN : Asal di Kampung Tepi Sungai Tendong, Pasir Mas, Kelantan
- NF : **Pekerjaan?**
PN : Suri rumah sepenuh masa.
- NF : **Cahaya mata? Bilangan cahaya mata?**
PN : *Enam* [6] orang, semua lelaki.
- NF : **Umur?**
PN : Umur yang sulung itu sudah *tiga puluh* [30] lebih rasanya *tiga puluh empat* [34].
Hok [yang] bongsu sudah *dua puluh satu* [21].
- NF : **Semua anak-anak Pok Ney itu masih bersekolah ke sudah bekerja?**
PN : Semuanya sudah habis sekolah. Yang bekerjanya *empat* [4]. *Dua* [2] menganggur jadi penganggur kehormat.
- NF : **Yang sudah bekerja itu apa pekerjaan mereka Pok Ney?**
PN : Yang sulung dia bekerja dengan Syarikat Giant di Kuala Lumpur sebagai penolong pengurus Giant di (sambil Pok Ney berfikir) tak ingat nama tempat. Yang nombor *dua* [2] dia kerja dengan syarikat apa tidak tahu di Shah Alam lupa dah. Yang nombor *tiga dan empat* [3 dan 4] tadi dia kerja dengan syarikat kontraktor Telekom ayah saudara *dia* [mereka] punya. Yang adik lagi *dua* [2] itu ada kat rumah.

- NF **Hobi Pok Ney pada masa lapang?**
PN Hobi masa lapang berkebun. Durian ada pisang ada, ada *belako* [semua], tanam sayur-sayur, tanam lada *gitu la* [macam itu]. Orang pencen.
- NF **Waktu kanak-kanak dulu ada tak idola ke role model yang diminati sampai sekarang?**
PN Tiada. Zaman dulu budak-budak tidak tahu apa itu idola *gapo* [apa] itu hobi.
- NF **Beralih kita ke latar belakang pendidikan Pok Ney masa sekolah rendah.
Di manakah Pok Ney mendapat pendidikan awal sekolah rendah?**
PN Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Batu Gajah. Sekolah Menengah di Sekolah Menengah Dato Mahmud Paduka Raja, Tanah Merah. *Lepastu gi ke* [selepas itu sambung] *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *semesta* [sekejap], berhenti *tak dan* [tak sempat] habis belajar.
- NF **Pada tahun berapakah Pok Ney menyambung pelajaran di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara [UiTM]]?**
PN Tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973].
- NF **Kursus yang Pok Ney ambil?**
PN *Human resource* [Pengurusan Kemanusiaan] (ketawa) tapi *takdea* [tak sempat] habis, berhenti.

- NF** **Kenapa Pok Ney berhenti belajar?**
- PN *Pasa* [sebab] nak bagi peluang adik-adik belajar, masa itu susah. Ahli keluarga susah maknanya kena bantu adik-adik. Jadi *kita* [Pok Ney] berhenti seorang kerja. Kerja dengan felda *pahtu* [selepas itu] adik-adik sambung.
- NF** **Pengalaman manis Pok Ney waktu di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]?**
- PN Hari mula-mula lapor diri *pasa* [sebab] berasa jadi orang pandai boleh masuk *U* [Universiti] kan, anak kampung masuk *U* [Universiti] selepas itu pergi Kuala Lumpur (ketawa)
- NF** **Pengalaman pahit Pok Ney?**
- PN Pengalaman paling pahitnya bila cukup bulan *takdok pitih* [tiada duit] (ketawa), biasiswa tidak cukup masa itu.
- NF** **Sebelum Pok Ney jadi Tok Penggawa, Pok Ney ada cita-cita lain tak nak jadi *gapo* [apa] sebelum ini?**
- PN Cita-cita yang sungguhnya, nak jadi pegawai polis tapi rezeki *takdok* [tiada]. Nak minta inspektor tidak lulus. Tak boleh tangan belok (ketawa).
- NF** **Pekerjaan Pok Ney sebelum jadi Tok Penggawa?**
- PN Mula-mula kerja dengan Felda, sebelum itu kerja sebagai pegawai Felda di Pahang selama *lima belas* [15] tahun selepas itu balik berniaga, bekerja sendiri jadi kontraktor kelas F sampailah dilantik sebagai Tok Penggawa.

- NF **Berapa lama Pok Ney?**
- PN Dari pada tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] sampai puncen tahun *dua ribu tiga belas* [2013].
- NF **Selama Pok Ney jadi Tok Penggawa ini, boleh cerita sedikit sumbangan-sumbangan Pok Ney di Kampung Batu Gajah ini?**
- PN Sumbangan Pok Ney tiada sebenarnya sebab *kita* [Pok Ney] hanya orang bawah. Sumbangan sebenarnya daripada *Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed* [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri], mantan Menteri Besar. arwah Tan Sri Mohd Yaakob. Jadi sebab *kita* [Pok Ney] kerja dengan *dia* [Dato' Sri Mustapa Mohamed] kebanyakkan peruntukan yang ada untuk pembangunan semua bawahnya. Jadi Pok Ney hanya melaksanakan tanggungjawab bukan seorang pemberi peruntukan. Biasanya kena hargai Yang Berhormat mantan Menteri Besar arwah Tan Sri Mohd Yaakob. Yang keduanya Yang Berhormat *Dato' Sri Mustapa Mohamed* [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]. Terlalu banyak sumbangan. Tan Sri Mohd Yaakob membangunkan bangunan awal di Sekolah Menengah Batu Gajah, pembinaan Lebuh raya Timur Barat, Masjid. *Dato' Sri Mustapa Mohamed* [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] menyambung semua sekali yang Tan Sri Mohd Yaakob buat itu. *Dia* [Dato' Sri Mustapa Mohamed] tambah bangunan sekolah menengah, Sekolah Kebangsaan Batu Gajah, perelokkan masjid, perelokkan jalan-jalan kampung. Kalau jasa itu terlalu banyak tapi bukan *hok* [yang] Pok Ney. Pok Ney hanya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Yang Berhormat mantan Menteri Besar arwah Tan Sri Mohd Yaakob dan *Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed*, ahli parlimen *loni* [sekarang] sehingga bersara.

- NF **Jadi sekarang ini Pok Ney sudah bersara jadi Tok Penggawa *gapo* [apa] kerja Pok Ney *loni* [sekarang]?**
- PN *Lonni* [sekarang] kerja kampung tanam pisang, tanam durian. Selepas itu anak-anak *duk* [yang] tolongnya.
- NF Soalan *last* [terakhir] untuk latar belakang Pok Ney apakah prinsip hidup yang Pok Ney selalu terapkan dalam kehidupan Pok Ney *sapa loni* [sampai sekarang]?
- PN *Lonni* *duk oyak sokmonye* [sekarang yang selalu di beritahunya] hidup mesti diteruskan walaupun dalam apa juu keadaan dan istiqamah sembahyang. Jangan tinggal solat.

TAMAT BAHAGIAN 1

Bahagian 2 : ASAL USUL KAMPUNG BATU GAJAH

- NF **Kita teruskan ke bahagian dua [2] iaitu asal usul Kampung Batu Gajah.**
Boleh ke Pok Ney cerita sedikit asal usul Kampung Batu Gajah? (bunyi motorsikal)
- PN Asal usul Kampung Batu Gajah ini asalnya sebuah kampung kecil yang telah dibuka oleh seorang penghulu *dulu dulu* [dahulu]. (bunyi motorsikal)
- NF **Siapakah Tok Penggawa yang pertama di Kampung Batu Gajah?**
PN Tok Penggawa yang pertama nama Tok Penggawa Encik Mad Amin.
- NF **Yang hari itu Pok Ney ada cerita Kampung Batu Gajah ini ada nama sebelumnya. Gapo [apa] nama sebelumnya?**
PN Orang panggil Kampung Cekok.
- NF **Tahun bila nama Kampung Batu Gajah ini ditukar jadi Kampung Batu Gajah? (bunyi motorsikal)**
PN (Bunyi motorsikal) Tak ingat. Tahun *seribu sembilan ratus satu* [1901] lebih kurang.
- NF **Keluasan kampung ini?**
PN Kalau jumlah ekar tanahnya lebih kurang dalam *seribu* [1000] ekar.
- NF **Keunikian yang terdapat di Kampung Batu Gajah ini?**
PN Keunikannya ialah gajah yang menjadi batu itu yang menjadi tumpuan masyarakat.

- NF **Siapa pengasas Kampung Batu Gajah ni?**
- PN Pengasasnya arwah Hj. Jusoh Bin Saud. *Dia* [Hj. Jusoh Bin Saud] ini datuk saudara kepada Pok Ney. *Dia* [Hj. Jusoh Bin Saud] juga penghulu pertama. Selepas *dia* [Hj. Jusoh Bin Saud] baru arwah ayah.
- NF **Pok Ney ada beritahu yang Kampung Batu Gajah kampung yang tersohor suatu ketika dahulu. Betul ke Pok Ney?**
- PN Betul. Satu ketika dulu ini kawasan pentadbiran. *Dia* [Kampung Batu Gajah] ada pasar-pasar. Batu Gajah itu tempat Pekan Sari yang paling popular di Daerah Jedok masa dulu. Selepas itu pejabat banyak ada sini dulu dan kedai-kedai di tepi jalan sebelum ini *dia* [Kampung Batu Gajah] ada dalam kiri kanan itu hampir *tiga puluh* [30] buah kedai panjang berderet. Memang batu gajah ni maju. Orang kampung mari sini *belako* [semua] nak tengok *tv* [televisyen] pun mari sini nak tengok irama mari sini (bunyi motorsikal) nak *shopping* [membeli-belah] pun mari sini. Ini cerita *lima puluh* [50] tahun lalu.
- NF **(Bunyi motorsikal) *Bakpo* [kenapa] sekarang Kampung Batu Gajah ini tidak lagi dijadikan sebagai pusat pentadbiran agensi kerajaan? (bunyi burung)**
- PN Punca pertamanya pembinaan lebuh raya itu menyebabkan rumah-rumah kedai lama itu jadi duduk bawah. Bila buat Lebuhraya Timur Barat *tambung* [tampal] lebuhraya ini jadi bangunan kedai setengah itu kena roboh selepas *tambung* [ditampal] sebab itu jadi tinggi. Jadi susah untuk orang singgah nak beli dengan *dia* [peniaga]. Lebih baik *dia* [peniaga] pergi ke tempat selesa. Jadi semakin tiada orang akhirnya tiada orang langsung.

- NF** **Ada juga yang berpindah?**
- PN** Ada. Peniaga yang berpindah. Peniaga yang dulu hampir *tiga puluh* [30] *loni* [sekarang] tinggal *dua* [2] buah kedai sahaja daripada berpuluh-puluh kedai dulu.
- NF** **Jumlah penduduk jati yang tinggal di Kampung Batu Gajah ini berapa ramai?**
- PN** Semua sekali *empat ribu* [4000] orang keseluruhan.
- NF** **Campur semua?**
- PN** Campur. Kalau jumlah rumah rasa dalam (bunyi motorsikal) *dua ratus* [200] ke *tiga ratus* [300] buah rumah dalam mukim Batu Gajah lebih kurang.
- NF** **Semua itu tahu *dok* [tidak] sejarah Batu Gajah ini?**
- PN** Ada *hok* [yang] tahu ada *hok* [yang] tidak tahu. Setengah itu *dia* [penduduk jati Kampung Batu Gajah] kata tidak ambil kisah pun. Jadi ramai *hok* [yang] tidak tahu sebab tidak ambil tahu.
- NF** **Pok Ney, ada yang baru berpindah ke kampung ni?**
- PN** Ramai. Contohnya, askar-askar, cikgu *pahtu* [selepas itu] perkahwinan antara orang sini dan imigran.
- NF** **Dia tahu *dok* [tidak] pasal sejarah Batu Gajah ini? *Ada dok hok* [ada yang] tahu?**
- PN** Ada tapi tidak tahu sepenuhnya.

NF Setengah la *kiro* [maksudnya]?

PN Ya.

NF Sudah selesai bahagian kedua *so* [jadi] kita teruskan ke bahagian ketiga tentang punca sebenar wujudnya kampung batu gajah.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PUNCA SEBENAR WUJUDNYA KAMPUNG BATU GAJAH

NS : Pok Ney setahu saya Batu Gajah tersebut terjadi berpuncanya daripada perbalahan antara Siam dengan Orang Melayu Islam Thai. Jadikan Pok Ney, apa sebab punca terjadinya perbalahan itu? Boleh Pok Ney ceritakan *sikit* [sedikit].

PN : Ya boleh. In Sya Allah. Jadinya ceritanya begini, punca sebenarnya daripada dia panggil perbalahan agama masa itu. Dia panggil perbalahan agama itu pasai pendakwah kita, pendakwah Islam kita daripada Arab daripada Mesir, dia pergi ke kawasan Asia Tenggara ke dia panggil? Untuk mengembangkan agama Islam. Dan seterusnya daripada Pakistan, Afghanistan, *dia* [Pendakwah Islam] mari ke kawasan *kita* [Asia Tenggara] ini, kawasan asia ini untuk mengembang agama Islam, jadi satu *group* [kumpulan] itu, pergi ke Thailand. Dia [Pendakwah Islam] berkhawin dan berdakwah *di situ* [Thailand] sehingga Islam ini berkembang di kawasan empat wilayah, dia panggil Selatan Thai. Jadi Raja Siam ini, *dia* [Raja Siam] berasa satu tampanan kepada dia sebab Islam nampak nak berkembang. Kalau tahu pada tahun *seribu lapan ratus* [1800] lebih kurang tapi Pok Ney tidak tahu bab sejarah ni, *demo* [orang] cerita. Bila berlaku perbalahan agama, Kerajaan Siam, *tok sey* [tidak mahu] Islam berkembang, maka *dia* [Raja Siam] datang menyerang di Pattani, kawasan melayu, majoriti Melayu Islam Thai. Daripada situ berlaku peperangan. Berlaku peperangan yang amat besar antara pejuang Islam Thai dan Kerajaan Thai (bunyi motorsikal). Jadi dalam peperangan itu, maklumlah *kita* [Tentera Islam] ni *tak dok gapo satu pun* [tidak mempunyai satu pun] senjata, maka tentera Islam kalah (bunyi motorsikal). Bila kalah dalam peperangan itu, tentera Islam lari menuju ke, dia

panggil *Wing* [sebelah] Thai, menuju ke bukit Thai dan ke kawasan sempadan Kelantan dan setengah daripada mereka menyeberangi sempadan, menyeberangi sempadan itulah Raja Siam tetap mencari juga tentera Islam untuk dia bunuh untuk dia hancurkan orang Islam yang lari, maka bila sampai di Kelantan, di sempadan Kelantan-Thailand, jadi *dia* [Raja Siam] sesat jalan. Kalau ikut cerita daripada orang tua, tentera Siam sesat tidak jumpa cari tentera Islam ni, maka *dia* [Raja Siam] mari ke Batu Gajah, masa itu Batu Gajah tidak dipanggil Batu Gajah lagi. *Dia* [Raja Siam] datang sesat di sini dan berhenti hendak minum air di sebuah anak air. Kalua anak air ni sungai kecil bukan sungai besar. Jadi kebetulan tempat anak air itulah tempat Awang Selamat, satu tokoh dia panggil macam Awang Keramat. *Dia* [Awang Selamat] berpindah daripada Gunung Reng ke Bukit Panau ke Bukit Marak (bunyi motorsikal). Jadi *dia* [Awang Selamat] singgah ke *sini* [Batu Gajah] untuk *transit* [persinggahan], sembahyang untuk *gapo* [apa]. Jadi *dia* [Awang Selamat] turun nak ambil air sembahyang, *dia* [Awang Selamat] tengok ada gajah *dok* [sedang] guna tempat *dia* [Awang Selamat] ini. Maka *dia* [Awang Selamat] sumpah gajah itu menjadi batu. Ada lagi *loni* [sekarang ini] batu gajah. Jadi Awang Selamat ini dia singgah dia akan berhenti sembahyang di bukit atau gua kecil di Bukit Batu Berdinding, Awang Selamat ini. Jadi di situlah bermulanya sejarah Batu Gajah bukan Kampung Batu Gajah lagi, Batu Gajah sahaja baru. *Hok* [yang] mengetuai Siam diketuai oleh Rajanya sendiri sebenarnya tapi tentera *dialah* [Raja Siam] yang turun. Siam ni peperangan ini diketuai oleh Raja *dia* [Raja Siam]. Yang diarah dan diperintah oleh Raja *dia* [Raja Siam]. Tentera Islam diketuai oleh, rasanya Haji Jalaluddin kalua tidak silap nama ataupun *Haji Saripudin*. Jadi in bersangkutlah dengan keluarga Pok Ney. Jadi bila *dia* [tentera

Siam] mari cari tidak jumpa dan gajah menjadi batu, tentera Siam pun lari balik ke Thailand. *Kita* [Pok Ney] tidak tahulah duduk di mana, *kita* [Pok Ney] tidak tahulah *lagu* [macam] mana cerita dia itu, tapi tentera Orang Islam yang lari tadi berpecah kepada beberapa kawasan. *Dia* [Tentera Orang Islam] pergi ke, setengahnya *dia* [Tentera Orang Islam] masuk ikut Kalai pergi ke Batu Melintang terus ke Grik. Kalua masuk ikut Bukit Bunga, dia akan *duk* [tinggal] di Bukit Bunga mari ke, dia panggil Bendatokolol. *Hok* [yang] masuk lari ikut Lurup ke apa entah, saya tidak ingat nama, *dia* [Tentera Orang Islam] akan masuk ke Nibong dan terus ke Batu Gajah. Jadi *hok* [yang] keluarga Pok Ney *hok* [yang] masuk ikut ni la, *hok* [yang] masuk ikut Lurup *satni* [tadi], nama dia Mahmud. Mahmud ni bersama dengan anak *dia* [Mahmud], Saud, Jusoh, Yaakob, *hok tinonya* [yang perempuannya] Rahmah dengan Halimah. Jadi lepas itu, bila Jusoh, Saud dah besar dan khawin. Saud ini abang sulung, dia buka Kampung Nibong. Jusoh ini dia mari khawin dengan orang Bukit Bunga tapi dia berpindah ke *sini* [Batu Gajah], *dialah* [Jusoh] yang buka Batu Gajah. Jadi nama asal Batu Gajah itu Cekok. *Dialah* [Jusoh] yang tukar kepada Batu Gajah, dari Cekok bertukar jadi Batu Gajah. Itulah mananya *hok* [yang] cerita awal penubuhan Batu Gajah dalam tahun *seribu sembilan ratus* [1900] macam itulah, Pok Ney lupa dah. Jadi lama juga peperangan itu, kalau ikut arwah ayah katanya lama. *Tok dia* [Moyang Pok Ney] cerita kepada *dia* [Ayah Pok Ney] terlalu lama makan masa berpuluhan tahun nak boleh ke kita lari. Jadi gajah *satni* [tadi] kepunyaan tentera Siam sebabnya zaman dahulu tidak mempunyai kereta api, tidak ada trak. Jadi tentera hanya menggunakan gajah, menggunakan tanah, menggunakan lembing, menggunakan pedang, *demo* [Tentera Siam] panggil batu perisai. Perisai ni *gapo* [apa]? (Sambil Pok Ney berfikir) orang Kelantan

panggil Nyanggah, orang lain tidak tahu panggil apa. Jadi apabila Jusoh Bin Saud buka Batu Gajah, maka Batu Gajah pun membangun secara kecil-kecilan. Jadi selepas itulah wujudnya dan diistiharkan namanya Kampung Batu Gajah oleh Jusoh Bin Saud bersama dengan Tok Penggawa nama Encik Mad Amin, istihar nama Kampung Batu Gajah. Termaktublah di dalam sempadan-sempadan daerah Kampung Batu Gajah, Tanah Merah, Kelantan.

NS : Okay Pok Ney, tadi Pok Ney ada cakap ada *empat* [4] wilayah menyebabkan perperangan tersebut, jadi apakah wilayah itu? Pok Ney boleh terangkan?

PN : Wilayah ni dia panggil wilayah Pattani, Songkla, Naratiwat dan Sungai Padi, wilayah ini dimiliki oleh Orang-orang Melayu Thai. Ini wilayah-wilayah melayu yang bersempadan dengan Kelantan. *Loni* [sekarang ini] pun dia panggil lagi *empat* [4] wilayah. Jadi inilah kawasan-kawasan yang terlibat masa itu.

NS : Jadi Pok Ney berapa ramaikah tentera Siam yang terlibat dalam perperangan itu?

PN : Jumlah sebenarnya *tak dak ore boleh oyak* [tiada orang yang boleh beritahu] orang tua-tua tu tak *oyak* [beritahu], Cuma dia *oyaknya* [beritahu] tentera Thai itu lebih ramai dari *tentera Islam* [Tentera Orang Melayu Islam Thai]. Peralatan pun *dia* [Tentera Siam] lebih canggih daripada tentera Islam *pasa* [kerana] *dia* [Raja Siam] memerintah negara, *kita* [Tentera Orang Melayu Islam Thai] hanya wilayah kecil. Jadi gajah *kita* [Tentera Orang Melayu Islam Thai] pun tiada, *Siam* [Tentera Siam] saja guna gajah.

- NS : Jadi jumlah gajah yang digunakan itu sebagai kenderaan *mereka* [Tentera Siam]? Dan berapa ekor gajah yang *depa* [mereka] guna?
- PN : Jumlah ekor tiada orang tahu cuma biasanya gajah ini digunakan oleh general-general dia. General-general dan pegawai-pegawai tinggi tentera Siam *hok tentera prebet turut punggung jah* [yang tentera Prebet ikut orang suruh sahaja] biasanya.
- NS : Pok Ney tahu tak untuk Orang Melayu Islam Thai, siapa yang mengetuai peperangan *depa* [mereka]?
- PN : Kalau ikut arwah orang tua *oyaknya* [beritahu] nama *dia* [ketua tentera Orang Melayu Islam] ni Haji Jalaluddin tidak pun Haji Saripudin, Pok Ney terlupa dah nama dia. Dia ini pendakwah dan dia berkhawin dengan orang Melayu Thai dari negeri Thai, nama dia Jalaluddin ataupun tak ingat namalah. Haji Jalaluddin ke Haji Saripudin nama dia, ketua masa peperangan ini.
- NS : Jadi Orang Melayu Islam Thai ada menggunakan apa-apa kenderaan tak?
- PN : Tidak. Tidak ada *gapo* [apa] satu. *Dia* (tentera Orang Melayu Islam Thai) hanya ada senjata saja untuk peperangan, kenderaan tiada. Gajah tiada, apa pun tiada.
- NS : Menurut Pok Ney tadi tentera Orang Melayu Islam Thai *lari dari peperangan* [kalah perang] kan? Kemana Orang Melayu Islam Thai lari?
- PN : *Dia* [Tentera Orang Melayu Islam Thai] lari menuju ke sempadan, ada *empat* [4] negeri, negeri Kedah, Perlis, Perak, Kelantan. Tapi *kita* [Tentera Orang Melayu Islam Thai] *hok* [yang] balik Kedah, Perak, Perlis kita tidak tahu la cerita dia *lagu* [macam] mana. Tapi *hok* [yang] mari ikut sempadan Kelantan ni

dia masuk ikut Kampung Kalai, Kampung Bukit Bunga dan juga Kampung Air Machang, dia panggil pengkalaran orang zaman dulunya, itulah dia [Tentera Orang Melayu Islam Thai] masuk ikut sempadan sebelah sana itu. Kalau ikut Kalai dia panggil, tak ingat ikut Kalai (sambal Pok Ney berfikir), tapi kalau ikut Bukit Bunga, dia panggil Bukit Tar sebelah sana, sebelah Thailand dia panggil Bukit Tar .Kalau ikut *kita* [Kelantan] ni, ikut Nibong ataupun Air Machang dia panggil Nurut kampung sebelah Thailand ni. Di Kalai tu, tak ingat nama tempat sebelah Thailand, sebelah Kelantan dia panggil Kalai, sebelah Thailand tak ingat. Kalau Bukit Bunga sebelah Kelantan Bukit Bunga, sebelah Thailand panggil Bukit Tar. Kalau sebelah *sini* [Kelantan] panggil Air Machang, sebelah Thai dia panggil Nurut, itu kawasan-kawasan *hok demo* [yang mereka] tu lari, *hok* [yang] nama baru *loni* [sekarang ni], nama dulu sebelum Pok Ney tak tahu lah nama *gapo* [apa] sebelum ni.

NS : **Jadi Tentera Siam datang ke Batu Gajah untuk mencari Orang Melayu Islam Thai lah. Selepas itu, katanya *depa* [mereka] [Tentera Siam] datang beristirehat?**

PN : *Demo* [Tentera Siam] sesat, bila *dia* [Tentera Siam] kejar *dia* [Tentera Siam] sesat jalan, maka dia tersasul mari ke Kampung Cekok ni. Kampung Cekok ni sebenarnya masa itu kampung *gapo* [apa] tak tahu lah sebelum itu orang panggil *gapo* [apa] pun tak tahu, sebab masa itu sebenarnya sejarah dalam hutan lagi. Cerita ini berlaku dalam hutan, kita tak boleh nak bayang masa tu ada kedai, ada rumah, ada *gapo* [apa] tiada lagi, hutan rimba saja di sini, Batu Gajah ni dulu hutan rimba cumanya *hok* [yang] ada pun Kampung Lawe dalam nuh ada sebutir kampung, Kampung Lawe. Selepas itu Kampung Nibong dengan Bukit Bunga

hok ado [yang ada] dah kampung, masa itu Batu Gajah ke *gapo* [apa] tiada lagi masa peperangan ini. Jadi kita bayangkanlah masa tu sini hutan rimba. Itulah bila Raja Siam sampai, dia sesat jalan dia sampai ke satu aliran air kecil tadi *hok* [yang] Pok Ney *oyak* [beritahu] tadi, aliran air kecil tempat Awang Selamat nak ambil air sembahyang untuk *dia* [Awang Selamat] berhenti rehat sementara *dia* [Awang Selamat] nak pergi ke tempat lain, *dia* [Awang Selamat] pergi ke Bukit Panau ataupun ke Bukit Marak. Jadi cerita dia, *dia* [Awang Selamat] sumpah menjadi batu gajah itu kerana *dia* [Awang Selamat] marah *demo ni* [Tentera Siam] kacau tempat *dia* [Awang Selamat] ambil air sembahyang (bunyi kertas selak).

- NS : **Jadi (bunyi motorsikal) betul lah gajah tentera Siam itu disumpah oleh Awang Selamat?**
- PN : Ya betul, kalau ikut cerita-cerita dulu memang betul Awang Selamat sumpah gajah itu. Gajah itu sedang *duduk* [rehat], *dia* [Awang Selamat] sumpah gajah itu sedang *duduk* [rehat] mungkin nak berehat minum air dan mungkin tentera Thai pun nak minum air. Jadi *dia* [Awang Selamat] nak pergi ambil sembahyang, *dia* [Awang Selamat] tengok tu, *dia* [Awang Selamat] pun sumpah. Selepas itu, kalau ikut cerita mulut ke mulut, memang Awang Selamat yang sumpah menyebabkan gajah itu menjadi batu dan menyebabkan tentera Thai lari balik kerana takut kepada Awang Selamat.

- NS : (Bunyi motorsikal) Jadi Pok Ney, kalau macam itu boleh kami tahu (bunyi selak kertas) sedikit tentang Awang Selamat? Siapa Awang Selamat sebenarnya?
- PN : Awang Selamat ini kalau ikut nama penuh dia tiada orang beritahu lah, tiada siapa pun boleh cerita nama sebenar Awang Selamat tapi dia dipanggil Awang Selamat seorang yang tokoh yang keramat. Keramat ini maksudnya macam tok wali yang hidup dia cuma buat amal ibadat, bertapa. Bertapa ini sebenarnya dalam Islam ni orang panggil ‘bersuluk’, bersuluk saja kerja *dia* [Awang Selamat]. *Dia* [Awang Selamat] akan bergeraknya daripada tadilah dua tiga tempat Gunung Reng, Batu Melintang, *dia* [Awang Selamat] akan mari *transit* [persinggahan] singgah sebentar di Batu Gajah (bunyi motorsikal) untuk *dia* [Awang Selamat] sembahyang ke dia rehat ke, selepas itu *dia* [Awang Selamat] pergi ke Bukit Panau ataupun ke Bukit Marak Awang Selamat ni. *Dia* [Awang Selamat] ni tiada siapa boleh cerita, *dia* [Awang Selamat] daripada mana asal tak dak siapa boleh cerita. *Dia* [Awang Selamat] hanya timbul di mana-mana tempat yang apa tempat yang (sambil Pok Ney berfikir) *dia* [Awang Selamat] rasa nak pergi lah, *dia* [Awang Selamat] rasa nak pergi situ, *dia* [Awang Selamat] pergi situ sebab dia orang (sambil Pok Ney berfikir) payah nak oyak [beritahu] orang-orang warak ni macam wali-wali la,tok wali. Jadi *dialah* [Awang Selamat] yang menyumpah gajah tentera Siam yang menjadi batu tadi.

NS : Jadi, apakah kaitan air yang gajah tersebut minum dengan Awang Selamat? Kenapa *dia* [Awang Selamat] marah sangat?

PN : Sebabnya, *situ* [tempat air gajah tentera Siam minum] tempat *dia* [Awang Selamat] ambil air sembahyang. Jadi yang *dia* [Awang Selamat] pergi tu, orang kafir bersama dengan gajah kacau tempat *dia* [Awang Selamat] *dok* [tengah] ambil air sembahyang dan tempat *dia* [Awang Selamat] minum. Jadi mengotorkan kawasan *dia* [Awang Selamat], dia panggil dan mencemarkan kawasan *dia* [Awang Selamat] tu kan, mesti *dia* [Awang Selamat] marah. *Supo* [seperti] orang mencemarkan rumah kita la, jadi *dia* [Awang Selamat] pun bila marah *dia* [Awang Selamat] sumpah menyebabkan jadi *batu* [gajah tentera Siam]

NS : Selepas gajah tentera Siam disumpah reaksi tentera Siam macam mana?

PN : Tentera Siam lari terus, memang *dia* [Tentera Siam] lari balik ke Siam. Dia lari sebab dia takut sebab mungkin keajaiban Awang Selamat. Jadi *dia* [Tentera Siam] takut *dia* [Tentera Siam] pun lari terus, lari balik ke Siam tu tak tahulah *dia* [Tentera Siam] balik ke Siam tu *dia* [Tentera Siam] pergi ke mana, balik ke Bangkok barangkali. *Dia* [Tentera Siam] tidak mencari dah la orang-orang Melayu Islam Thai *hok* [yang] lari tadi. Panglima-panglima Islam hok masih hidup lagi pun dah tidak cari. *Dia* [Tentera Siam] balik ke negeri *dia* [Tentera Siam] dah.

NS : Adakah Kampung Batu Gajah ini tempat Awang Selamat bertapa ka persinggah ka macam mana? Kenapa *dia* [Awang Selamat] *mai* [datang] Kampung Batu Gajah?

PN : Persinggahan, Batu Gajah ni adalah tempat *dia* [Awang Selamat] singgah untuk *dia* [Awang Selamat] berehat sebentar (bunyi motorsikal) untuk hilang penat. Untuk hilang penat dan letih *dia* [Awang Selamat], jadi bila *dia* [Awang Selamat] letih, jadi *dia* [Awang Selamat] berhenti berehat, tempat *dia* [Awang Selamat] sembahyang, kalau sampai petang, *dia* [Awang Selamat] sembahyang *ngorib* [magrib], sembahyang isyak. Di situ *dia* [Awang Selamat] tidur pagi esok *dia* [Awang Selamat] bangun lepas subuh, *dia* [Awang Selamat] pergi la pula. *Dia* [Awang Selamat] berhenti di Bukit Batu Belimbing dulunya, *loni* [sekarang ni] dia tukar kepada Bukit Padang Hamid. Dia tukar nama sebabnya nama bukit tu orang yang teroka bukit ni, penghulu selepas Jusoh tadi Hamid Bin Saud nih, anak saudara kepada Jusoh tu lah dan ayah kepada Pok Ney. Tempat *dia* [Awang Selamat] berhenti *transit* [persinggahan], *dia* [Awang Selamat] tidak bertapa di Batu Gajah ni, *dia* [Awang Selamat] cuma berhenti rehat menghilangkan letih sebab *dia* [Awang Selamat] berjalan jauh ataupun *dia* [Awang Selamat] sampai *sini* [Kampung Batu Gajah] sebab nak sembahyang. Mungkin *dia* [Awang Selamat] berhenti sini, *dia* [Awang Selamat] duduk di sebuah batu *dia* [Awang Selamat] berteduh macam gua.

NS : Jadi Awang Selamat duduk sekejap sahaja lah di Kampung Batu Gajah?

PN : Tak lama lah, singgah semalaman kadang-kadang, *tak sapa* [tidak sempat] pun ada orang tua-tua kata, sekadar untuk dia berhenti sembahyang. Cuma kalau *dia* [Awang Selamat] *maghi* [datang] malam baru *dia* [Awang Selamat] semalam.

- NS : Adakah Awang Selamat membawa diri ke tempat lain selepas peristiwa *dia* [Awang Selamat] menyumpah gajah tersebut?
